

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA DAN HADIAH-HADIAH WALKATON BAKTI 1984, DI
KAWASAN PARLIMEN
Lokasi : KAWASAN PARLIMEN
Tarikh : 26-08-1984

YAB Perdana Menteri, merangkap Penaung BAKTI;

YAB Tun Hussein Onn, Pelepas Walkaton BAKTI dan Toh Puan Suhailah;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Para dermawan yang budiman;

Yang Berbahagia Ahli-Ahli BAKTI serta keluarga-keluarga;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana Walkaton BAKTI 1984 telah pun selamat sempurna dengan jayanya dan saya mengucapkan syabas kepada semua peserta.

2. Saperti Walkaton BAKTI 1980, tujuan utama BAKTI ialah mengumpulkan suami-suami, anak-cucu pada pagi ini supaya perasaan kekeluargaan dirasai penuh oleh setiap keluarga dan antara satu keluarga dengan yang lain. Anak-anak ahli BAKTI seringkali tidak berpeluang penuh untuk mengenali bapa atau ibu yang sentiasa sibuk dengan hal negara 26 jam sehari, 8 hari seminggu, 14 bulan setahun! Kalau anak-anak merindu, apatah lagi si-ibu dan si-bapa! Oleh itu saya berharap Walkaton BAKTI telah berjaya melepaskan rindu-dendam sebanyak sedikit dan menyedarkan kita semua betapa murninya kekeluargaan dan kejiiran.

3. Sambil memenuhi tujuan tersebut tadi, BAKTI sekeluarga bekerja keras menyumbangkan tenaga dengan menyertai acara pagi ini untuk mengumpul wang sebagai khidmat bakti kepada orang ramai. Kami telah merayu melalui surat-surat rayuan dan temuan sendiri dengan para dermawan, rakan-rakan dan orang ramai untuk mendapatkan seberapa banyak wang, seperti derma terus kepada Tabung Kebajikan BAKTI atau tajaan bagi peserta Walkaton ini. Sungguh pun jarak jauh Walkaton memeranjatkan, iaitu 4.2 kilometer saja, sambutan ikhlas dari semua pihak amat memuas dan menggalakkan.

4. Bagi pihak Datin Maria Musa, Pengerusi Jawatankuasa Projek Walkaton 1984 yang tidak dapat hadir bersama, dan bagi pihak Jawatankuasanya serta semua Ahli-Ahli dalam BAKTI, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua dermawan yang budiman. Saya mengalu-alukan kehadiran sebahagian dari para dermawan itu pada pagi ini untuk menyampaikan derma mereka yang berupa \$10,000 atau lebih kepada Penaung BAKTI sendiri sebentar lagi.

5. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada para penaja yang menyumbangkan wang melalui Buku-Buku Walkaton para peserta. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan itu sama di sanjung tinggi, biar pun sekecil-kecil 50 sen sekilometer, kerana ianya membuktikan keikhlasan dan keyakinan penaja-penaja terhadap usaha-usaha dan tujuan murni BAKTI.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. BAKTI telah mengadakan Projek Amal sejak tahun 1977 kecuali pada tahun 1983. Pada tahun 1977, hasil kutipan bersih berjumlah \$70,000 tetapi meningkat tahun demi tahun hingga tercapai \$1.2 juta pada 1982. Oleh kerana jumlah besar inilah BAKTI tidak mengadakan Projek Amalnya pada tahun lalu.

7. Penaburan derma-derma ini kepada individu-individu, kumpulan-kumpulan dan institusi-institusi yang berkaitan dengan kecacatan, kebajikan anak-anak miskin atau yatim, perawatan dan pelajaran,

meningkat juga setiap tahun. Dalam 2 hingga 3 tahun yang lepas lebih kurang \$500,000 dikeluarkan setahun kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi, termasuklah mangsa dari malapetaka atau kemalangan yang berlaku dalam negara ini.

8. Jawatankuasa Kebajikan BAKTI dan Jawatankuasa malapetaka telah bekerja kuat menguruskan dan memperoseskan rayuan-rayuan yang diterima. Kami berasa bangga dan puas hati dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan ini.

Sungguh pun BAKTI tidak dapat memenuhi 100% sesuatu rayuan itu, BAKTI mengambil perhatian yang teliti kepada situasi-situasi yang berkaitan dengan "life and death" dan memberi segala peluang bagi anak-anak meneruskan pelajaran atau meringankan perbelanjaan mereka untuk mencapai kehidupan yang selesa, khasnya yang cacat, sakit dan yang miskin.

9. Usaha-usaha BAKTI sehingga hari ini tidak dapat berjaya tanpa bantuan, persefahaman dan kerjasama dari tuan-tuan dan puan-puan dan penyokong-penyokong BAKTI.

10. Saya tidak dapat sebutkan semua nama penderma, agensi-agensi kerajaan dan swasta atau individu-individu yang membantu BAKTI dalam projek Walkaton tahun ini kerana terlalu panjang senarai itu dan saya bimbang akan terlupa menyebut sesuatu nama nanti.

11. Izinkan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua agensi kerajaan, khasnya kepada pihak Yang Di Pertua Dewan Rakyat yang membenarkan BAKTI menggunakan kawasan Parlimen ini, pihak keselamatan, rawatan dan penyiaran, firma-firma, syarikat-syarikat dan individu-individu kerana sumbangan pelbagai hadiah dan cenderamata dan juga makanan dan minuman untuk peserta-peserta dan tetamu, badan-badan sukarela, seperti St. Johns dan pegawai-pegawai dari Selangor A.A.U. yang bertugas dan menasihati BAKTI mengenai peraturan Walkaton.

12. Senarai yang lengkap telah disertai dalam Buku Cenderamata tetapi pihak BAKTI meminta berbilang maaf sekiranya tertinggal sesuatu nama di dalamnya.

13. Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Datin Maria dan semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Walkaton atas peranan, tanggungjawab dan tugas-tugas yang cemerlang. Saya tahu Jawatankuasa Walkaton seringkali kehilangan ketua dan kepala, tetapi akhirnya timbul juga dengan penuh kegigihan dan kebolehan hasil kesanggupan puan-puan bekerjasama dan bertugas dengan cekap.

Syabas! 14. Walkaton ini akan tinggal sebagai Walkaton sahaja sekiranya tiada siapa yang mahu berjalan. Oleh demikian, saya mengucapkan syabas dan berbilang terima kasih kepada suami-suami, anak-cucu dan ahli-ahli dalam BAKTI yang sudi menyertai Walkaton ini untuk berbakti.

15. Saya harap puan-puan dan tuan-tuan dan anak-anak berasa segar, dan sihat sekarang untuk mengganti balik tenaga dan timbangan berat yang hilang tadi dengan menikmati jamuan yang lazat sebentar lagi dan juga berehat dengan persembahan muzik dan nyanyian dari OTD.

16. Saya akhiri dengan berbilang terima kasih dan mendoa semoga Tuhan mencucuri rezeki berlipat ganda kepada tuan-tuan dan puan-puan dan kesejahteraan supaya kita dapat juga bersatu, berjasa dan berbakti pada tahun hadapan pula, insya-Allah.

Terima kasih.